

07/06/2000

Malaysia gerbang netvigator.com pertama Asean

Khairul Anuar Samad

KEPESATAN industri teknologi maklumat (IT) menjadi asas kukuh kepada pembentukn netvigator.com.my di negara iniyang sekali gus menjadikannya gerbang Internet komuniti dan gaya hidup terbesar di Malaysia.

Pengenalan gerbang itu di negara ini juga melambangkan Malaysia sebagai negara pertama di rantau Asia Tenggara mempunyai perkhidmatan itu.

Selain itu, ia menjadikan Malaysia negara ketiga di dunia dilancarkan gerbang itu di luar Hong Kong selepas kejayaan Netvigator.com melancarkannya di Taiwan dan Kanada tahun lalu.

Netvigator.com adalah milik syarikat telekomunikasi unggul di Hong Kong iaitu Cable & Wireless HKT.

Naib Presiden Eksekutif (Internet dan E-dagang), Cable & Wireless HKT, Dominic Leung, berkata Malaysia mempunyai tenaga kerja yang berpotensi serta berpengalaman di samping sumber pembangunan perdagangan Internet.

Selain itu, wawasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin menjadikan Malaysia sebagai hub IT bertaraf dunia serta masyarakat bermaklumat juga menjadi asas penubuhan netvigator.com.my, katanya.

"Kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berjaya mengembangkan IT Malaysia juga membolehkan netvigator.com.my turut sama membantu mempromosikan penggunaan IT di kalangan masyarakat negara ini," katanya di majlis pelancaran rasmi gerbang itu di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Pelancaran gerbang itu dilakukan oleh Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho. Turut sama ialah Naib Presiden, Netvigator Mass Portal, Cable & Wireless HKT Asia, Lawrence Lee.

Netvigator.com.my menyediakan tiga kategori utama seperti maklumat, Hello Malaysia dan aplikasi web persendirian serta menjalin kerjasama dengan rakan niaga terkemuka antaranya Asia Travel Network, GettingHere.com, JobStreet.com dan JobsDB.

Gerbang ini juga dikatakan menawarkan perkhidmatan unik iaitu menghubungkan rakyat Malaysia ke seluruh dunia iaitu secara mewujudkan masyarakat dalam talian.

Leung berkata, berbekalkan dengan kadungan menarik itu, syarikat yakin gerbang itu akan menjadi antara tiga tiga gerbang mampu menarik pengguna yang mana Netvigator.com mensasarkan mempunyai 200,000 pelanggan menjelang akhir tahun ini.

"Gerbang Malaysia ini juga dijangka akan menjadi penyedia kandungan gerbang komuniti dalam talian utama di Malaysia," ujarnya.

Di samping itu katanya, netvigator.com.my mampu bertindak sebagai tapak e-dagang dan pengiklanan dalam talian untuk sektor perniagaan memandangkan syarikat sudah menjalin kerjasama dengan beberapa syarikat perniagaan utama.

(END)